

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/03/2008

Tiada pembatalan projek RMK-9

KUALA LUMPUR 25 Mac - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak akan membatalkan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pada masa ini, kerajaan belum memutuskan mengenai perkara itu.

"Jika perlu dan jika mempunyai alasan yang kukuh supaya dilakukan pembatalan, kerajaan akan berbuat demikian.

"Saya tidak menyatakan kerajaan akan berbuat demikian (pembatalan), tetapi kerajaan perlu membuat penilaian semula kesemua projek itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pelaburan Malaysia 2008 di sini hari ini.

Mengenai projek-projek di negeri-ne-

Saya tidak menyatakan kerajaan akan berbuat demikian (pembatalan), tetapi kerajaan perlu membuat penilaian semula kesemua projek itu

geri yang dikuasai oleh pembangkang, Abdullah berkata, Kerajaan Persekutuan akan membincangkan mengenai perkara itu dengan mereka.

"Kerajaan (Persekutuan) akan menguruskannya dengan kerajaan negeri berkenaan. Ada projek tertentu yang hampir dilaksanakan di negeri-negeri berkenaan. Tiada masalah bagi kerajaan untuk membincangkan dengan mereka," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata sesetengah program mungkin perlu diperkemaskan lagi di bawah kajian semula pertengahan penggal RMK-9 bagi memastikan manfaatnya dinikmati oleh kesemua rakyat Malaysia.

"Benar, ada projek yang telah dilaksanakan. Terdapat banyak dan kita perlu memastikan ia dapat menampung matlamat yang telah kerajaan tetapkan," katanya.

UM-26/3/2008
**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

Katanya, kerajaan menyedari peningkatan harga telah memberi kesan kepada sesetengah projek yang telah dilaksanakan.

"Kita telah mengenal pasti projek berkenaan dan peruntukan khusus telah dilakukan dan kita perlu melihat apa yang boleh dilakukan.

"Ia sememangnya memerlukan dilakukan penilaian semula dan dilakukan anggaran semula wang yang akan diperuntukkan," katanya.

Abdullah berkata, industri pembinaan telah bertambah baik.

"Anda menyatakan industri itu bergerak perlahan. Dalam 2003, ia mencatatkan penguncupan dua peratus dan ia kini meningkat 4.0 peratus. Adakah itu perlahan," katanya.